

PERUBAHAN PERANAN TENTERA LAUT DAN AGENSI-AGENSI PENGUATKUASAAN MARITIM LAIN DI MALAYSIA DALAM MENGAWAL PERAIRAN NEGARA PADA ABAD KE-21

*Changes in the Role of the Navy and Other Maritime Enforcement
Agencies in Malaysia in Regulating National Waters in the 21st Century*

Azrul Nor Fadzilah & Hanizah Idris

ABSTRACT

The end of Cold War marked changes in the context of peace and security in the seas as it happens up to this day. The most obvious is the conflict transition opportunities that allow wars to break out. Although the Cold War has ended, other various challenges have emerged from the rapid increase of maritime criminal activities including smuggling of drugs, smuggling of humans and arms, illegal fishing, illegal waste dumping, and sea robbery and piracy. This led sovereign countries including Malaysia to enforce laws in the seas.

The expansion of a country's sea boundaries stretching 200 nautical miles, forms the Exclusive Economic Zone (EEZ) from the boundary baseline of each countries allow these respective countries including Malaysia to have sovereign rights over the resources in the Continental Shelf. With this responsibility and the role of the naval and other maritime enforcement agencies of many other countries including Malaysia, have began experiencing changes in the field task, expertise, resources and new assets needed to enhance the enforcement and monitoring of the Maritime Zone of Malaysia. For Malaysia, the challenges it faces in the 21st century led to the establishment of Coast Guard Team of Malaysia where all resources and assets can be used and benefit as much as possible in order to protect national security and sovereignty.

Keywords: Transition, criminal, boundaries, sovereignty, and enforcement

PENGENALAN

Selepas tamatnya Perang Dingin, bentuk ancaman di lautan bukan lagi bersifat tradisional atau ketenteraan tetapi telah bertukar kepada bentuk ancaman bukan tradisional dengan meningkatnya isu-isu maritim yang mengancam keselamatan dan kedaulatan sesebuah negara. Antara isu-isu maritim tersebut termasuklah jenayah maritim yang semakin berleluasa seperti isu pencemaran alam sekitar laut, penggunaan sumber laut secara tidak mapan, penyeludupan, pergerakan manusia secara haram, pelanunan, pengganas serta kesesakan laluan perkapalan.⁴ Keputusan yang dicapai dalam Persidangan Ketiga Konvensyen Undang-Undang Laut Bangsa-Bangsa Bersatu

pada tahun 1982⁵ mengenai perluasan sempadan maritim sehingga 200 batu nautika, merupakan satu cabaran utama yang perlu ditangani dengan bijak dalam usaha untuk menjaga keamanan dan keselamatan, bukan sahaja di perairan wilayah maritim masing-masing tetapi juga di laut lepas yang menuntut kerjasama daripada pelbagai pihak.

Satu kesan positif dengan berakhirnya Perang Dingin dapat dilihat apabila kesemua negara di dunia terikat secara rasmi dengan konsep dan idea keamanan yang bukan bercirikan ketenteraan sebagai kaedah untuk menyelesaikan sebarang pertelingkahan di lautan dan juga dalam usaha menamatkan mana-mana konflik. Dalam masa yang sama, keamanan dan keselamatan di lautan tidak sahaja melibatkan pihak kerajaan dan tentera laut semata-mata, ia juga perlu melibatkan agensi-agensi penguatkuasaan maritim lain, lebih-lebih lagi dengan wujudnya aktiviti jenayah terancang seperti perdagangan haram, penyeludupan, serangan lanun dan rompakan laut.⁶ Walaupun banyak perkara telah dibincangkan dalam Persidangan Ketiga Undang-Undang Laut pada tahun 1982, namun aktiviti dan operasi oleh pihak tentera laut tidak disentuh sepenuhnya selain daripada tanggungjawab umum seperti yang terkandung dalam Konvensyen Undang-Undang Laut yang mensyaratkan kesemua negara tentang tanggungjawab keseluruhannya dengan menghadkan aktiviti mereka di permukaan dan dasar laut atas dasar penggunaan secara aman.⁷

Oleh itu, pihak Suruhanjaya Bebas Kelautan Dunia telah mengemukakan beberapa cadangan ke arah meningkatkan keamanan dan keselamatan di lautan termasuk peranan tentera laut serta agensi-agensi penguatkuasaan maritim lain yang sememangnya merupakan satu isu yang rumit kerana perlu berhadapan dengan pelbagai ancaman baru yang bukan bersifat ketenteraan. Namun, ini tidak membawa kepada taksiran untuk memperbesarkan lagi pasukan tentera laut sebagai usaha meningkatkan keamanan dan keselamatan di lautan. Antara cadangan yang dikemukakan oleh Suruhanjaya tersebut termasuklah dengan menggunakan pendekatan di mana pasukan tentera laut di negara-negara jiran bersetuju menjana sumber-sumber mereka dan menjalankan rondaan dan pengawasan secara bersama. Di samping itu, ia juga boleh dibentuk secara lebih formal dengan program yang lebih luas meliputi kerjasama serantau dengan mengambil kira pengurusan bersama sumber-sumber di perairan pesisir dan luar pesisir pantai.⁸

Bagi Malaysia, kestabilan dan penggunaan alam samudera yang selamat adalah asas kepada pembangunan sektor maritim negara secara berterusan. Malaysia juga tidak terkecuali dalam menghadapi pelbagai bentuk ancaman bukan tradisional yang boleh mengancam keselamatan dan kedaulatan negara termasuklah pengksploitasian sumber laut secara berlebihan, pencemaran marin, aktiviti haram seperti penyeludupan narkotik, senjata, pendatang haram, pencerobohan kedaulatan maritim negara, keselamatan laluan perkapalan, mencari dan menyelamatkan dan tindakan ke atas bencana di laut. Merujuk kepada Peta 1, perluasan sempadan maritim negara sehingga 200 batu nautika turut memberi kesan dari segi pengawasan dan penguatkuasaan pelbagai agensi maritim di negara ini. Istilah penguatkuasaan dan pengawasan adalah berkait rapat kerana kesemua agensi yang mempunyai aset di permukaan laut melakukan dua tugas asas iaitu pengawasan dan penguatkuasaan.

Perlu dijelaskan, istilah pengawasan lebih menjurus kepada pengawasan udara yang dilakukan oleh Tentera Udara Diraja Malaysia (Skwadron Maritim) dan Unit Udara Polis. Berdasarkan Peta 1 tersebut, oleh kerana Malaysia terletak di kawasan yang strategik dan dikelilingi oleh tiga laut utama iaitu Selat Melaka, Laut China Selatan dan Laut Sulu, maka negara terpaksa berdepan dengan segala masalah dan cabaran.

Oleh itu, tanggungjawab untuk mengawal, mengurus dan mempertahankan integriti kedaulatan perairan negara merupakan elemen asas yang penting bagi menjamin penggunaannya oleh negara secara berterusan.

PUSAT PENYELARASAN PENGUATKUASAAN MARITIM (PPPM)

Pusat Penyelaras Penguatkuasaan Maritim, Bahagian Keselamatan Negara, Jabatan Perdana Menteri telah ditubuhkan dengan objektif untuk menyelaras aktiviti-aktiviti pelbagai agensi penguatkuasaan maritim dan menentukan aset maritim yang digunakan untuk mengawasi perairan negara dikendalikan dengan cekap, pantas dan berkesan. Sebagai sebuah pusat penyelaras, PPPM mengawasi semua aktiviti maritim dan mengumpulkan maklumat untuk diagihkan kepada semua agensi penguatkuasaan maritim yang terlibat di mana penyelaras dan tindakan yang bertepatan dapat diambil. Ia mampu dilaksanakan kerana semua agensi mempunyai aset sama ada berbentuk unsur laut atau udara yang membolehkan mereka digerakkan untuk keberkesanan penguatkuasaan perundangan yang bersangkutan. PPPM juga bertanggungjawab untuk merangka tatacara operasi bersama untuk membolehkan pelbagai agensi penguatkuasaan maritim digerakkan secara bersepadu apabila diperlukan. Untuk menepati keperluan ini, PPPM menganjurkan kursus, dialog dan operasi bersepadu yang berskala.

Sehingga kini, PPPM merupakan agensi utama untuk menyelaras perkara-perkara seperti berikut:

- Mengawasi segala pergerakan kapal/bot dan pesawat udara
- Menyelia operasi bersama atau antara negara jiran
- Menyelaras aktiviti rondaan udara
- Menyelaras tangkapan ke atas kesalahan perundangan maritim
- Menyelaras komunikasi antara agensi-agensi kerajaan dan kapal laut
- Membantu menyelaras segala keperluan operasi dan menyelamatkan
- Merancang, menyelaras dan memantau operasi-operasi khas
- Mengumpul data mengenai kemalangan, aktiviti serta menganalisa
- Membuat cadangan mengenai kaedah operasi bersama
- Mengemaskini '*standard operational procedures*'
- Mengadakan dialog dengan para pengguna seperti nelayan dan
- Menjalankan latihan, kursus kepada agensi-agensi penguatkuasaan maritim negara


Selepas pengisytiharan Akta ZEE pada 25 April 1980, badan-badan penguatkuasaan telah diperkembangkan dan dibekalkan dengan peralatan yang berkaitan serta latihan bersesuaian untuk menjalankan dan melaksanakan tugas dan tanggungjawab tersebut. Langkah-langkah berikut telah diberi perhatian secara mendalam oleh kerajaan:

- a) Segala aktiviti penguatkuasaan di dalam ZEE dan di wilayah perairan negara akan dilaksanakan dengan segera.
- b) Sebuah badan yang dikenali sebagai '*National Maritime Coordinating Committee*' atau (NMCC) yang bertanggungjawab kepada Majlis Keselamatan negara (MKN) akan ditubuhkan.

Peta 1: Perairan Semenanjung Malaysia



Peta 2: Perairan Sabah dan Sarawak



Sumber: <http://www.geographicni.de.net> (malaysia.htm)

Dengan keputusan kabinet pada April 1980, NMCC telah ditubuhkan selepas mesyuarat pertama pada 9 Ogos 1983 dan seterusnya penubuhan asas kepada institusi pengurusan maritim seperti yang wujud pada hari ini. NMCC dipengerusikan oleh Setiausaha Bahagian Keselamatan Negara dengan keahliannya merupakan perwakilan dari setiap agensi kerajaan yang terlibat dalam bidang maritim. Fungsi badan ini adalah mengkoordinasikan segala penguatkuasaan undang-undang maritim, melaksanakan latihan antara agensi-agensi kerajaan yang terbabit bagi memantapkan tahap pengetahuan anak-anak kapal serta membantu dalam operasi menyelamatkan sekiranya diperlukan. Setelah PPPM beroperasi selama 13 tahun, Sistem Pengawasan Laut (SWASLA) yang dibangunkan di bawah Rancangan Malaysia ke-6 telah memulakan operasi pada 1 Disember 1998. Antara operasi yang dikendalikan oleh Pusat Pertahanan Maritim Malaysia ialah:

- a) Operasi Samudera Gagah Membanteras pencerobohan bot nelayan asing yang menangkap ikan di perairan ZEE di Pantai Timur Semenanjung dan Sabah dengan menguatkuasakan Akta Perikanan 1985 dan 1984.
- b) Patroli Koordinasi
 - Menguji prosedur Tetap Operasi Patroli Terkoordinasi Maritim Malaysia/Indonesia.
 - Memastikan penguatkuasaan undang-undang maritim dan penglibatan unsur-unsur dapat dilaksanakan dengan berkesan di perairan Selat Melaka.
 - Menjalinkan kesefahaman dan melancarkan kerjasama di antara agensi-agensi maritim di dalam Patroli Terkoordinasi Operasi Tindakan Maritim.
- c) Rondaan bersama Sempadan Malaysia/Filipina (PHIMAL).
 - Menguji prosedur Tetap rondaan Bersama Sempadan Malaysia/ Filipina
 - Memastikan penguatkuasaan undang-undang maritim dan penglibatan unsur-unsur dapat dilaksanakan dengan berkesan di sempadan Malaysia dan Filipina.
 - menjalinkan kesefahaman dan melancarkan kerjasama antara agensi maritim dalam rondaan bersama sempadan.
 - memberi kepercayaan dan keyakinan kepada semua pengguna sempadan Malaysia/Filipina di atas kemampuan agensi-agensi maritim kedua negara.
 - membuktikan terwujudnya kerjasama yang erat antara Malaysia/Filipina.
- d) Operasi antara PDRM – Perikanan
 - Menyelaraskan operasi bersama di antara PDRM – Jabatan Perikanan terhadap pencabulan Akta Perikanan dan lain-lain undang-undang oleh nelayan tempatan.
 - Mendedahkan kedua-dua pasukan ke arah prosedur-prosedur yang lebih efisien dan terkini.
 - Meningkatkan perhubungan komunikasi antara dua agensi berkenaan.

Walaupun segala penyelarasan dilakukan oleh PPPM, kerjasama yang wujud dengan agensi-agensi pelaksanaan dan penguatkuasaan maritim yang lain hanya dalam

bentuk jawatankuasa sahaja dan PPPM tidak mempunyai kuasa untuk memberi sebarang arahan kepada agensi-agensi tersebut untuk bertindak. Ini disebabkan agensi-agensi penguatkuasa dan pengawasan maritim tersebut terikat dengan keperluan dan piagam jabatan masing-masing dalam melaksanakan tanggungjawabnya berbanding dengan peranan yang sepatutnya boleh dimainkan demi kesejahteraan dan keselamatan negara.⁹

AGENSI-AGENSI PENGUATKUASA DAN PENGAWASAN MARITIM DI MALAYSIA

Memandangkan sejak akhir-akhir ini dunia maritim menjadi sebahagian daripada sifat semulajadi negara dari segi geo-politik dan sosio-ekonomi, maka telah banyak peruntukan dan tumpuan dilakukan bagi mengawal dan menjamin sumber-sumber dan kepentingan negara di perairan terbuka. Justeru, Malaysia mempunyai sembilan agensi penguatkuasaan dan pengawasan utama dari pelbagai kementerian yang mempunyai aset dan sumber tenaga manusia di permukaan air. Antara agensi tersebut adalah seperti yang dapat dilihat pada Jadual 1. Terdapat tujuh Kementerian yang mempunyai kepentingan sama ada secara langsung ataupun tidak dalam menjamin keamanan, keselamatan dan integriti negara. Sementara itu terdapat juga agensi yang mempunyai peranan yang begitu spesifik seperti Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Cawangan Perlindungan Sumber Jabatan Perikanan dan Jabatan Laut yang mempunyai bidang tugas yang khusus yang tidak dapat bertindak ke atas aduan-aduan dan laporan-laporan mengenai pendatang tanpa izin dan pencemaran marin.

Antara tugas dan tanggungjawab yang dilaksanakan oleh agensi-agensi ini termasuklah tugas-tugas keselamatan, ketenteraan, perlindungan kepada sumber ekonomi negara dan perlindungan dari pencemaran laut. Aktiviti-aktiviti yang perlu dipertahan dan diawasi oleh agensi-agensi ini adalah seperti dibawah:

- a. Tuntutan hak dan pertindihan kawasan kesan daripada persempadanan ZEE terutama bagi negara jiran ASEAN;
- b. Pencerobohan haram nelayan-nelayan asing ke dalam wilayah laut Malaysia dan ZEE;
- c. Kemasukan Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) ke dalam wilayah perairan maritim dan ZEE terutamanya di perairan Sabah di sebelah pantai timur negara;
- d. Aktiviti pelanunan terutamanya di perairan selat Balabac dan Laut Sulu;
- e. Penyeludupan dadah di sempadan antara kepulauan Mindanao, Filipina dan Sabah, Malaysia terutamanya syabu dan heroin;
- f. Penyeludupan barang-barang terlarang dan bercukai antara sempadan jiran ASEAN;
- g. Terdapatnya kawasan yang kaya dengan hasil laut terutamanya ikan dan ini merupakan aset yang begitu bernilai;
- h. Pembuangan sisa enap cemar dan bahan kotoran ke laut;
- i. Aktiviti penyelidikan luar pantai dan pengeluaran minyak mentah serta gas asli di wilayah perairan maritim dan ZEE termasuklah perlindungan kepada struktur telaga minyak dan gas asli di wilayah perairan maritim

Jadual 1: Senarai Agensi Dan Kementerian Yang Terlibat Dalam Mengawasi Perairan Negara

Agensi	Kementerian
Pasukan Polis Marin	Kementerian Dalam Negeri
Tentera Laut DiRaja Malaysia	Kementerian Pertahanan
Jabatan Perikanan	Kementerian Pertanian
Jabatan Laut	Kementerian Pengangkutan
Jabatan Kastam dan Eksais Diraja	Kementerian Kewangan
Jabatan Alam Sekitar	Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar
Jabatan Imigresen	Kementerian Dalam Negeri
Tentera Udara DiRaja Malaysia	Kementerian Pertahanan
Unit Udara Polis	Kementerian Dalam Negeri

Sumber: Iskandar Sazlan, "Keselamatan Maritim Negara: Isu dan Peranan Agensi Penguatkuasa," Institut Maritim Malaysia, Kuala Lumpur, 2001, hlm. 13.

dan ZEE termasuklah perlindungan kepada struktur telaga minyak dan gas serta kabel dan saluran paip dasar laut; dan

- j. Aktiviti yang boleh mengancam kepada kesinambungan ekologiikal lautan yang berkaitan dengan hidupan laut serta sumber-sumbernya.

Selepas pengisytiharan sempadan ZEE yang baru, kerajaan telah mengeluarkan satu arahan yang memberi garis panduan berkenaan bidang tugas dan garis sempadan kuasa bagi agensi-agensi penguatkuasaan undang-undang maritim negara.¹⁰ Pembahagian ini menyebabkan Polis Marin bertanggungjawab kepada pengawalan dan rondaan keselamatan di wilayah perairan negara oleh Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dan dibantu oleh Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) Skuadron Maritim yang bertanggungjawab kepada pengawalan dan rondaan di ZEE. Dengan termaktubnya garis panduan ini, terdapat garisan sempadan kawasan tanggungjawab antara TLDM dan Polis Marin dalam tugas rondaan keselamatan dan penguatkuasaan undang-undang.

Walaupun kedua-dua agensi ini terlibat secara langsung dalam pengawalan dan penguatkuasaan undang-undang maritim di wilayah perairan negara dan ZEE, agensi-agensi lain turut terlibat membantu dan bertanggungjawab untuk menjalankan tugas dan menguatkuasakan undang-undang mereka yang berkaitan seperti Akta Imigresen, Akta Perikanan dan lain-lain. Pada hari ini, oleh kerana aktiviti luar pantai semakin meningkat sejak kebelakangan ini, maka terdapat kepentingan bagi melaksanakan undang-undang maritim negara sehingga 200 batu nautika seperti yang dituntut oleh negara. Justeru, TLDM dan TUDM telah dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan rondaan keselamatan di ZEE sebagai tugas kedua mereka di masa aman (*secondary or peace time role*).

Pasukan Polis Marin

Pasukan ini terletak di bawah organisasi Pasukan Polis Di Raja Malaysia dan secara langsung berada di bawah pengurusan Kementerian Dalam Negeri. Diketuai oleh Komander yang berpangkat SAC II yang beribu pejabat di Bukit Aman. Beliau dibantu

oleh dua orang Timbalan Komander iaitu dari Bahagian Pentadbiran/Gerakan dan Bahagian Teknikal. Objektif penubuhan pasukan ini ialah untuk melindungi, memelihara dan menjamin keamanan dan kerukunan demi pembangunan negara dari sebarang ancaman seperti kegiatan jenayah, pengganas, subversif, kumpulan pelampau dan sebagainya.

Segala fungsi dan peranan Polis Marin ini termaktub di dalam Seksyen 3 (3) Akta Polis 1967. Sejurus selepas perisytiharan negara mengenai kedaulatan perairan Malaysia yang menjangkau dari 3 kepada 12 batu nautika, Pasukan Polis Diraja Malaysia telahewartakan Ordinan Darurat 7/69 (Kuasa-kuasa Perlu) bagi menguatkuasakan kedaulatan negara di kawasan tersebut yang meliputi keluasan 142,393 kilometer persegi iaitu di Wilayah Perairan Malaysia.¹¹ Selain itu, Polis Marin juga diperuntukan dengan beberapa undang-undang di dalam menjalankan tugasnya setiap hari dan antaranya ialah:¹²

- i. Akta Polis 1966
- ii. Kanun Keseksaan
- iii. Kanun Acara Jenayah
- iv. Ordinan Perkapalan Saudagar, 1952
- v. Ordinan Darurat (Kuasa-kuasa khas) 7/1967
- vi. Akta Kastam, 1967
- vii. Akta Perikanan, 1985 (Act 317)
- viii. Akta Immigresen, 1959/63
- ix. Akta Kualiti Alam Sekitar, 1974
- x. Akta Zon Ekonomi Eksklusif, 1974
- xi. Akta Dadah Merbahaya, 1952
- xii. Akta Pelantar Benua, 1966
- xiii. Akta Petroleum, 1984
- xiv. Akta Letupan, 1957
- xv. Akta Telekomunikasi, 1950

Pasukan Polis Marin juga dilengkapi dengan pelbagai jenis dan saiz kapal ronda seperti yang dapat dilihat pada Gambar 1 hingga Gambar 3, dengan dibantu oleh 10 buah pesawat udara PDRM bagi menjalankan peninjauan udara.¹³

Tentera Laut DiRaja Malaysia (TLDM)

Semenjak merdeka, tanggungjawab utama TLDM ialah menjaga kedaulatan perairan negara dan kepentingan nasional. TLDM bertanggungjawab ke atas perairan negara bermula dari persisiran pantai sehinggalah kepada 12 batu nautika dari pantai. TLDM dilengkapi dengan sebilangan kecil kapal jenis frigat, kapal ronda, kapal ronda laju peluru berpandu. Sepanjang kewujudan TLDM, tiada sebarang konflik besar yang berlaku melainkan konfrantasi yang berlaku antara Malaysia dengan Indonesia pada tahun 1963 di mana TLDM telah membuktikan kemampuannya dalam menangani krisis tersebut. Keselamatan perairan Malaysia yang secara relatifnya aman adalah disebabkan faktor berakhirnya perang dingin dengan kehadiran kuasa besar yang memberi satu keseimbangan kuasa yang menguntungkan Malaysia.¹⁴

Pada hari ini, TLDM terus menjadi tunjang pertahanan laut negara yang penting terutama sekali di ZEE. Pangkalan utama TLDM teletak di Lumut. Terdapat dua lagi pangkalan hadapan yang terletak di Kuantan (markas Wilayah Satu) dan Labuan (Markas Wilayah Dua). Terdapat sebuah pangkalan hadapan di Sandakan. Perancangan untuk membina empat lagi pangkalan sokongan iaitu di Teluk Sepanggar dan

Gambar 1: 'PA 31' milik Polis Marin melakukan rondaan di Perairan 'Inshore' Malaysia



Sumber: <http://www.rmp@rmp.gov.my>

Gambar 2: BOT Camar 1 PA5 merupakan antara aset terbaru PDRM. Ia bertanggungjawab meronda kawasan perairan termasuk di Pulau Tenggol, Terengganu



Sumber: <http://www.rmp@rmp.gov.my>

Gambar 3: Bot laju milik Polis Marin ini berkeupayaan bertindak sebagai 'assault boat', terutama semasa menaiki bot sasaran atau melakukan serangan ke darat



Sumber: <http://www.rmp@rmp.gov.my>

Semporna di Sabah, Tanjung Gerak di Langkawi dan Sejingkat di Sarawak. Pangkalan di Sepanggar akan menggantikan Labuan dan menjadi Markas Wilayah Dua manakala Markas Wilayah Tiga akan berpusat di Tanjung Gerak, Langkawi.

Dari segi geografi, negara Malaysia terbahagi kepada dua bahagian iaitu Semenanjung Malaysia yang terletak di antara selat Melaka dan Laut China Selatan, manakala Malaysia Timur terletak di antara Laut China Selatan dengan laut Sulu - Laut Celebes. Berdasarkan faktor geografi ini, kedudukan Malaysia adalah begitu unik sekali dalam peta dunia kerana dipisahkan oleh Laut China Selatan dan gugusan Kepulauan Natuna milik Indonesia.¹⁵ Sementara itu, lima negara yang berkongsi sempadan maritim dengan Malaysia adalah seperti Singapura, Indonesia, Thailand, Brunei dan juga Filipina. Negara-negara ini juga merupakan negara berpantai yang seringkali bekerjasama dalam meningkatkan tahap keselamatan pelayaran. Justeru, isu keselamatan maritim menjadi agenda utama kepada negara ini. Tambahan pula, Malaysia mempunyai persempadanan hampir dengan semua negara-negara di Asia Tenggara malahan membabitkan beberapa kawasan yang dituntut bersama.¹⁶

Jika dilihat melalui kaca mata TLDM, kawasan Perairan Pantai Timur Semenanjung Malaysia merupakan kawasan maritim dari negeri Kelantan hingga ke kawasan pantai di utara Johor merangkumi kawasan perairan seluas 516 batu nautika. Kawasan ini juga tergolong di dalam kawasan ZEE. Manakala ZEE pula didefinisikan sebagai kawasan selepas dan berhampiran wilayah laut yang meliputi jarak sehingga 200 batu nautika dan 350 batu nautika dari garisan dasar untuk hak ke atas pelantar benua seperti yang dinyatakan di dalam Persidangan Ketiga, Konvensyen Undang-Undang Laut Bangsa-Bangsa Bersatu 1982. Ini memberi tekanan kepada negara dalam mempertahankan kedaulatan perairan yang sedia ada kerana Malaysia mempunyai persempadanan hampir dengan semua negara di rantau Asia Tenggara malahan membabitkan beberapa kawasan yang dituntut bersama. Konvensyen Undang-Undang Laut Bangsa-Bangsa Bersatu 1982 telah membenarkan mana-mana negara yang mempunyai pantai untuk menuntut hak ke atas ZEE sehingga 200 batu nautika dan 350 batu nautika untuk hak ke atas pelantar benua.

Secara umumnya, perairan Malaysia telah dibahagikan kepada kawasan geografi seperti berikut:

- a) Selat Melaka
- b) Laut China Selatan (LCS) yang meliputi kawasan perairan Pantai Timur Semenanjung dan barat Sarawak/Sabah
- c) Laut Sulu dan Laut Celebes

Dengan perisytiharan ZEE, kawasan maritim negara ialah seluas 598,450 km persegi yang dikenali sebagai perairan wilayah Malaysia. Keluasan ini adalah dua kali ganda daripada keseluruhan daratan Malaysia. Panjang pantai pula ialah 4,490 km dengan 1,737 km terletak di Semenanjung sementara selebihnya iaitu 2,755 km di Sabah dan Sarawak.¹⁷

Selaras dengan Konvensyen Undang-Undang Laut Bangsa-Bangsa Bersatu, kawasan tanggungjawab TLDM diperluas sehingga 160,000 batu persegi.¹⁸ Ini memberi TLDM kebaikan iaitu kemudahan mendapatkan peruntukan untuk perolehan aset baru sesuai dengan perluasan kawasan tanggungjawab. Walau bagaimanapun, timbul pula masalah dalam mendapatkan aset yang baru kerana mengambil masa bagi memenuhi kehendak tanggungjawab yang bukan hanya berperanan sebagai *instrument* perang tetapi berperanan untuk melindungi zon maritim negara. Antara objektif TLDM semasa perang dan aman digariskan adalah seperti berikut:

Objektif semasa perang:

- Mengesan dan memusnahkan angkatan laut musuh.
- Memusnah dan menyekat kapal-kapal dagang negara musuh.
- Mengekalkan kekuatan mengatasi pihak musuh.
- Mempertahan laluan perhubungan laut bagi aktiviti perkapalan.
- Membantu dan memberi sokongan kepada angkatan darat.
- Melancarkan gerakan pengintipan.
- Agen pengangkutan bagi agensi kerajaan dan cabang angkatan tentera yang lain.
- Mempertahankan pelabuhan dari serangan musuh.

Objektif semasa aman:

- Latihan kemahiran menghadapi peperangan.
- Perlindungan kepada nelayan-nelayan tempatan dalam kawasan ZEE.
- Melindungi pelantar luar pantai.
- Penguatkuasaan undang-undang maritim.
- Pengukuran dasar laut perairan Malaysia.
- Rondaan pencegahan pelanunan.
- Rondaan pencegahan penyusupan dan penyeludupan.
- Mengambil bahagian dalam operasi menyelamatkan di laut.
- Membantu agensi-agensi maritim yang lain.

Selain daripada pembinaan pangkalan-pangkalan tentera laut yang baru, kuasa tempur TLDM giat dibangunkan dari semasa ke semasa. Armada TLDM hari ini dilengkapi aset-aset seperti berikut seperti yang dapat dilihat pada Jadual 2.¹⁹ Dari senarai aset-aset di Jadual 2 tersebut, TLDM masih lagi kekurangan kapal-kapal yang bersesuaian untuk melaksanakan rondaan seperti kapal 2x OPV, 6x FAC (G), 16x PC dan 27x PV.²⁰ Kapal rondaan jenis 2 PV telah dilancarkan manakala selebihnya masih dalam proses rundingan dan kontrak pembinaan. Manakal kapal-kapal lain tidak sesuai untuk menjalankan tugas penguatkuasaan disebabkan bentuk, saiz dan fungsi kapal tersebut lebih cenderung kepada peperangan. Namun demikian, ia tetap menjadi 'mata dan telinga' dalam memantau aktiviti yang boleh menggugat industri maritim negara. Peruntukan kuasa kepada Pegawai Memerintah kapal dibawah Akta Perikanan 1985,

Jadual 2: Menunjukkan Jenis Kapal dan tugas serta fungsinya

Jenis Kapal	Tugas dan Fungsi
Frigat, Korvet, FAC (M)	Serangan
OPV, PV, FAC (G), PC	Rondaan
LST, MPCSS, LPD/LPH	Pengangkutan
MCMV	Menangkis Periuk Api
Hidrografi	Pengukuran
Helikopter	Pemantauan/ Rondaan udara

Akta ZEE 1984, Akta Kualiti Alam Sekitar 1974, Akta Angkatan Tentera 1972, Akta Pelantar Benua 1966, Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960, Kod Penal dan Perintah Angkatan Tentera 72, membolehkan penguatkuasaan undang-undang maritim negara dilaksanakan.²¹

Perlu dijelaskan sehingga kini, TLDM turut bertanggungjawab untuk menjaga keselamatan maritim di bahagian Pantai Timur dengan melakukan rondaan di sepanjang Pantai Timur dan ZEE. Bahagian Pantai Timur dipertanggungjawabkan kepada MAWILA I yang berpangkalan di Tanjung Gelang Kuantan. MAWILA I yang sebelum ini menggunakan 6 buah kapal dari jenis PC dan dua jenis OPV kini diperkuatkan lagi dengan aset yang baru dipindahkan dari Pangkalan TLDM Lumut yang merupakan 6 buah Kapal Pembina Laju Senjata (FAC (G)) pada awal Febuari 2006 lalu. Aset baru ini didapati sesuai bagi melakukan rondaan dalam tempoh yang lama di kawasan ZEE terutama dalam usaha mencegah pencerobohan nelayan asing dan PATI. Gambar-gambar 4 hingga 10 merupakan antara aset-aset yang telah digunakan oleh TLDM dalam melakukan rondaan di wilayah perairan maritim negara termasuk Selat Melaka iaitu laluan perkapalan paling sibuk di dunia. Daripada aspek kemahiran khas, TLDM mempunyai elemen-elemen tertentu dalam menangani krisis-krisis seperti keganasan dengan menyediakan pasukan elit iaitu Pasukan Khas Laut (PASKAL). Pasukan ini berkemampuan untuk memberi perlindungan keselamatan kepada pelantar carigali dan telaga minyak serta kapal-kapal yang melalui perairan negara dari sebarang ancaman.

Jabatan Perikanan

Objektif utama jabatan ini ialah menjamin pengurusan perikanan negara agar sumber-sumbernya tidak terus pupus selain meningkatkan industri perikanan negara. Jabatan perikanan terutamanya Cawangan Perlindungan Sumber telah ditugaskan untuk

Gambar 4: KD Sri Inderapura merupakan kapal terbesar daripada jenis Landing Ship Tank yang sering digunakan dalam rondaan



Sumber: http://en.wikipedia.org/wiki/royal_malaysian_navy

Gambar 5: KD Kedah (pennant no 171) merupakan jenis OPV Kelas Kedah (MEKO A-100 Class patrol vessels)



Sumber: www.indonesia.com/.../warship_kb_kedah.jpg

Gambar 6: Offshore Petrol Vessel, KD Pahang (172) juga merupakan aset terbaru TLDM



Sumber: http://members.home.n1/7-seas/kb_pahang/172-fleet-jpj

Gambar 7: KD Lekiu, kapal jenis Frigat dalam Kelas Lekiu yang berfungsi sebagai aset serangan TLDM



Sumber: www.wing21.rtaf.mi.th/webboard/photo/25102510.jpg

Gambar 8: KDHang Nadim (134) sedang melakukan rondaan di Selat Melaka



Sumber: <http://images.google.com/imgres?imgurl=http://www.marineschepen.nl/marschepen/images/laksamana.jpg&imgrefurl=http://www.marineschepen.nl/marschepen/laksamana.html>

Gambar 9: Laksamana Kelas, Kd Laksamana Muhammad Amin memiliki senjata Exocet



Sumber: http://www.defencetalk.com/pictures/data/3869/thumbs/RMNLAKSAMANA ClassCorvette_02.jpg

Gambar 10: Bot milik pasukan elit TLDM, PASKAL



Sumber: <http://en.wikipedia.org/wiki/PASKAL>

mengawal sumber-sumber perikanan negara meliputi seluruh perairan negara termasuk di sungai-sungai. Dengan erti kata yang lain, cawangan ini juga terbabit mengawal wilayah perairan Malaysia dan ZEE. Sebuah Pusat Kawalan Operasi (PUKAOP) telah diwujudkan dan beroperasi 24 jam untuk menerima maklumat, aduan atau laporan mengenai kegiatan perikanan di perairan negara. Pusat ini juga menerima laporan mencari dan menyelamatkan. Cawangan ini turut bertanggungjawab menerima permohonan '*innocent passage notification*' dari nelayan asing untuk berlayar di perairan negara. Maklumat tersebut akan dimajukan kepada PPPM untuk tindakan selanjutnya bagi mengawasi pergerakan nelayan asing tersebut. Jabatan Perikanan juga bertanggungjawab mengeluarkan lesen menangkap ikan dan menggalakkan perikanan laut dalam. Antara senarai peraturan dan perundangan yang perlu dilaksanakan oleh Jabatan Perikanan terutamanya Cawangan Perlindungan Sumber ialah:

- i. Akta Perikanan 1985
- ii. Peraturan Perikanan Marin (Lesen Bot-Bot Perikanan Tempatan), 1985
- iii. Peraturan Perikanan Marin (Pindaan), 1971,1974, 1980 dan 1987
- iv. Peraturan Perikanan (Pengharaman Mengimport Ikan) 1990

Dalam menguatkuasakan peraturan dan perundangan perikanan negara, Jabatan Perikanan telah dilengkapi dengan pelbagai jenis kapal. Sebanyak 89 jenis kapal dari pelbagai kategori bersaiz 10 meter dan ke bawah digunakan khususnya di persisiran pantai. Manakala untuk laut dalam, lima buah P300 bersaiz 10-20 meter digunakan diikuti dengan lapan buah P100 dan P200. Berdasarkan maklumat daripada PPPM, Jabatan Perikanan telah menjalankan 17,903 hari rondaan dan operasi di seluruh perairan Malaysia.²² Jabatan Perikanan telah membentuk GEWILA sebagai kawasan rondaan dan untuk memudahkan urusan pentadbiran.

- i. GEWILA 1: Batu Maung, Kuala Kedah, Taman Laut (Kuala Kedah), dan Langkawi
- ii. GEWILA 2: Pelabuhan Klang dan Melaka
- iii. GEWILA 3: Tampoi, Batu Pahat, Kuala Sedili dan Mersing
- iv. GEWILA 4: Chendering, Tumpat dan Taman Laut (Chendering)
- v. GEWILA 5: Santubong, Limbang, Miri dan Sarikei
- vi. GEWILA 6: Kota Kinabalu, Kuala Penyu, Sandakan dan Tawau
- vii. GEWILA 7: Lumut dan Kuala Kurau
- viii. GEWILA 8: Labuan
- ix. GEWILA 9: Kuantan

Gambar 11: Bot Laju Milik Jabatan Perikanan Digunakan Dalam Tugas-Tugas Penguatkuasaan Undang-Undang Maritim Negara



Sumber: <http://www.rmp@rmp.gov.my>

Jabatan Laut

Jabatan Laut terletak di bawah bidang kuasa Kementerian Pengangkutan. Objektif utama Jabatan ini ialah menjamin sistem pengangkutan laut di perairan negara selamat dari sebarang unsur malapetaka. Selain itu, Jabatan Laut juga mengenakan beberapa peraturan perkapalan yang membabitkan keselamatan, piawaian latihan, pensijilan dan khidmat pelabuhan kepada pelanggannya. Secara amnya Jabatan Laut bukanlah komponen utama sebagai agensi penguatkuasaan maritim negara dari konteks keselamatan negara tetapi jabatan ini adalah satu-satunya yang bertanggungjawab kepada elemen keselamatan perkapalan di perairan negara. Di antara senarai perundangan utama yang perlu dijalankan oleh jabatan ini ialah:

- i. Ordinan Perkapalan Saudagar, 1952
- ii. Peraturan Perkapalan Saudagar, 1984

- iii. Peraturan Pelabuhan Persekutuan, 1953
- iv. Akta Petroleum (Peraturan Keselamatan), 1984
- v. Akta Dues Rumah Api, 1953/1981

Sementara itu, Jabatan Laut juga antara lain menjadi tunggak utama dalam kes-kes mencari dan menyelamatkan di laut selepas kewujudan Pusat Penyelarasan Mencari dan Menyelamat Maritim (MRCC) di Klang. Pemantauan ke atas perjalanan trafik di Selat Melaka melalui Sistem Pengawasan Laut (SWASLA) yang bertujuan memastikan peraturan trafik di Selat Melaka sentiasa dipatuhi oleh pengguna selat juga antara bidang kuasa jabatan ini. Sistem Pengawasan Laut (SWASLA) merupakan wawasan kerajaan Malaysia dan telah diimplementasikan. Selain bertujuan memastikan peraturan trafik di Selat Melaka sentiasa dipatuhi SWASLA juga berperanan meningkatkan pemantauan keselamatan di sepanjang selat tersebut. Lebih dari 600 vesel dari pelbagai jenis dan saiz menggunakan Selat Melaka setiap hari dan ini merupakan ancaman semasa kepada kesejahteraan ekonomi dan persekitaran Selat Melaka serta negara jiran dan menjadi perkara utama bagi Kerajaan Malaysia.

Malaysia berada dalam kedudukan yang unik dan berpotensi terdedah kepada bahaya kerana Selat Melaka yang berada dalam perairan wilayah Malaysia yang merupakan laluan perkapalan tersibuk di dunia terpaksa berhadapan dengan sebarang kemungkinan. Dengan mengimplementasikan SPLM, Kerajaan Malaysia telah mengambil langkah untuk meningkatkan keselamatan trafik dan meminimumkan bahaya trafik di dalam perairan wilayah Malaysia di Selat Melaka. SPLM ialah satu sistem bersepadu dengan misi teknikalnya untuk memberi bantuan berterusan kepada Kerajaan Malaysia untuk tujuan Trafik Perkapalan dan juga pemantauan aktiviti keselamatan. Sistem ini mengandungi Sistem Pengurusan Trafik Perkapalan (SPTP), Sub-sistem Radar Gelombang Mikro Stesen Bumi, Radio U/VHF serta Sistem Bersepadu Kawalan Penyeliaan dan Paparan Data. Melalui sistem ini, SPTP di Selat Melaka mengandungi pelbagai garisan lalulintas perkapalan dengan peruntukan untuk laluan trafik ke utara dan selatan yang dinamakan Skim Pemisah Trafik (SPT). Tambahan dari itu, sistem ini membahagikan Selat Melaka kepada 9 sektor dan ditingkatkan dengan liputan radar yang terletak di pelbagai Tapak Kawalan Radar.

SPLM terdiri dari sembilan rangkaian Tapak Kawalan Radar bersepadu dan dibina di tempat yang strategik di Pulau Langkawi, Pulau Angsa, One Fathom Bank, Bukit Jugra, Cape Richado, Pulau Undan, Bukit Segenting, Tanjung Piai dan Bukit Pengerang. Sistem radar ini membolehkan pemantauan yang aktif dan interaktif dilakukan oleh pusat kawalan bertempat di Lumut (Pusat Kawalan Induk), Pelabuhan Klang, Tanjung Piai dan Langkawi. Semua maklumat antara pusat kawalan dan agensi penguatkuasa kerajaan yang menjalankan operasi di laut boleh disalurkan secara terus melalui radio VHF atau dalam masa sebenar. Bagi memudahkan urusan pentadbiran, jabatan ini dilengkapi dengan 84 buah kapal dari pelbagai jenis yang bersaiz sederhana. Misalnya, pada tahun 1998 jabatan ini telah menjalankan 120 jam rondaan dan operasi di sekitar perairan Malaysia.²³

Jabatan Kastam dan Eksais DiRaja

Jabatan Kastam dan Eksais Diraja terletak di bawah pentadbiran Kementerian Kewangan dan objektif utama jabatan ini adalah untuk mencegah aktiviti penyeludupan barangan bercukai atau terlarang selain mengekang pengaliran keluar hasil negara yang berupa kutipan cukai. Jabatan ini bertanggungjawab kepada beberapa peruntukan percukaian barangan sebagaimana yang termaktub di bawah

Akta Kastam 1967. Ringkasnya jabatan ini hanya mengkhusus kepada kegiatan penyeludupan dan lain-lain aktiviti penguatkuasaan. Jabatan ini juga menjalankan risikan dan penyiasatan membabitkan aktiviti penyeludupan sama ada di laut atau di darat (meliputi sepanjang pantai negara dan juga kawasan sekitar setiap pelabuhan atau jeti). Jabatan Kastam juga kini dilengkapi dengan 97 buah bot dari pelbagai saiz untuk memudahkan operasinya. Perangkaan tahun 1998 menunjukkan jabatan ini telah menjalankan rondaan sebanyak 4, 380 jam berdasarkan laporan tahunan yang dikeluarkan oleh PPPM pada tahun 1998.²⁴

Gambar 12: Bot laju milik Jabatan Kastam dan Eksais Diraja



Sumber: <http://www.rmp@rmp.gov.my>

Jabatan Imigresen

Terletak di bawah pentadbiran Kementerian Dalam Negeri, Jabatan Imigresen memainkan peranan penting dalam mengawal keluar masuk setiap orang asing dan mencegah kemasukan pendatang asing tanpa izin. Setiap pos pemeriksaan di pintu masuk Malaysia secara keseluruhannya adalah tertakluk kepada Jabatan Imigresen. Antara senarai perundangan yang perlu dikuatkuasakan oleh jabatan ini ialah Akta Imigresen dan Akta Passport selain mengeluarkan Permit Laluan Perjalanan Sementara kepada orang asing. Perlu dijelaskan, Akta Imigresen hanya boleh dikuatkuasakan di daratan sahaja dan tidak di dalam perairan wilayah Malaysia. Sehubungan itu terdapat sedikit kepincangan untuk mencegah kemasukan pendatang asing walaupun mereka itu dapat dipintas oleh agensi-agensi penguatkuasaan maritim Malaysia di dalam PWM. Jabatan ini tidak mempunyai sebarang aset di laut kecuali di pos pintu masuk negara sahaja.

Jabatan Alam Sekitar

Objektif utama jabatan ini ialah mengekal dan memulihara keunikan, kepelbagaian dan kualiti alam persekitaran bertujuan menjamin kesejahteraan, kesihatan, keamanan dan kedamaian penduduk negara ini serta generasi masa depan. Dalam konteks marin, Jabatan Alam Sekitar menubuhkan unit marin bagi mengawal sebarang kegiatan pencemaran marin negara. Antara senarai perundangan yang dikuatkuasakan ialah:

- i. Akta Kualiti Alam Sekitar, 1974
- ii. Akta Zon Ekonomi Eksklusif, 1984

Walau bagaimanapun, Jabatan ini tidak mempunyai sebarang aset di laut kecuali beberapa orang pegawai dari jabatan ini turut serta di dalam rondaan udara untuk mengesan kegiatan pencemaran marin. Oleh itu, Jabatan ini amat bergantung kepada kerjasama dari agensi-agensi penguatkuasaan maritim lain bagi menjalankan tugasnya di mana agensi-agensi terbabit akan diminta memintas dan menahan kapal-kapal yang disyaki untuk diambil tindakan selanjutnya oleh Jabatan Alam Sekitar.²⁵

Tentera Udara DiRaja Malaysia (TUDM)

TUDM merupakan satu pasukan yang mempunyai peranannya yang tersendiri sama ada ketika waktu aman dan juga ketika berlakunya konflik. Dalam organisasi TUDM terdapat empat elemen asas di dalam pasukan ini iaitu skuadron pengangkut, skuadron maritim, skuadron penggempur, dan skuadron helikopter. Skwadron Maritim lebih banyak ditumpukan memandangkan pengkaji membuat pengkajian dalam bidang maritim. Sebanyak empat buah pesawat jenis Beachcraft B-200T telah digunakan untuk tujuan tinjauan dan rondaan maritim sehingga ke kawasan ZEE.

Skuadron ini mempunyai dua misi utama iaitu misi ketenteraan dan juga misi ketenteraman awam. Dalam waktu-waktu tertentu pesawat C-130 akan digunakan bagi menjalankan rondaan maritim terutamanya melibatkan jarak jauh dan penerbangan yang aman. Tugas utama pasukan ini ialah mengesan dan mengenalpasti agen pencerobohan dalam perairan negara sama ada yang berunsurkan ketenteraan ataupun pencabulan ke atas sumber-sumber lautan negara. Sejumlah 1,788 jam/hari penerbangan dilakukan oleh pasukan ini pada tahun 1998.²⁶

Unit Udara Polis

Unit Udara Polis merupakan salah satu cabang dalam organisasi Polis Diraja Malaysia (PDRM). Berpangkalan di Lapangan Terbang Sungai Besi dan ditugaskan menjalankan rondaan udara sekitar Wilayah Perairan Malaysia. Unit ini disokong oleh 24 buah pesawat ringan serta helikopter bagi menjalankan rondaan dan pengawasan sama ada di daratan ataupun permukaan laut. Sungguhpun kesemua pesawat tersebut tidak dilengkapi dengan senjata, namun helikopter milik Unit Udara Polis ini mempunyai peralatan pengesan infra merah (infra red) dan juga lampu limpah bagi mengesan sasaran dengan lebih jelas seperti yang dapat dilihat pada Gambar 10.

Walaupun Malaysia mempunyai sejumlah agensi penguatkuasaan maritim bagi melaksanakan tugas pengawasan dan penguatkuasaan undang-undang di perairan wilayah Malaysia dan ZEE namun jelas terdapat pertindihan di antara agensi-agensi terlibat, bukan sahaja dari segi bidang tugas, tetapi juga dari segi sumber, aset serta kepakaran yang merugikan negara. Dalam hal ini, Institut Maritim Malaysia atau MIMA sebagai sebuah institusi yang ditubuhkan oleh Kerajaan Malaysia telah memainkan peranan menerusi penyelidikan dan mengemukakan pandangan kedua dan bebas mengenai dasar-dasar maritim negara termasuk kementerian atau agensi-agensi yang terbabit dengan maritim yang pada hari ini dilihat 'bertaburan' di beberapa kementerian atau agensi.²⁷ Oleh itu, sudah sampai masanya Malaysia memikirkan pendekatan terbaik bagi menubuhkan sebuah pasukan penguatkuasaan maritim yang lebih bersepadu serta dapat memaksimumkan penggunaan sumber, aset-aset serta kepakaran dalam menjaga perairan negara.

Gambar 13: Pasukan Gerakan Khas (PGK) PDRM menuruni helikopter ke kapal sasaran



Sumber: <http://www.rmp@rmp.gov.my>

AGENSI PENGUATKUASAAN MARITIM MALAYSIA (APMM)

Malaysia kini mengikut langkah beberapa negara seperti Jepun, India, Amerika Syarikat, Kanada dan United Kingdom yang telah menubuhkan sebuah agensi maritim untuk melindungi perairan mereka selain dari tentera laut dan polis marin. Terdapat tiga komponen utama yang perlu diambil kira dalam usaha menubuhkan Pasukan Pengawal Pantai Malaysia ini iaitu instrumen perundangan yang mantap, anggota berkemahiran tinggi dan pelbagai serta aset yang bersesuaian. Ini membawa kepada penubuhan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) atau lebih dikenali sebagai Pasukan Pengawal Pantai Malaysia pada 21 Ogos 2002. Agensi ini telah dilancarkan di Lumut pada hari Rabu dan diketuai Laksamana Madya Datuk Mohammad Nik.

APMM yang diberikan tugas bagi memastikan undang-undang maritim di Zon Ekonomi Eksklusif dilaksanakan serta memelihara keselamatan perkara berkenaan alam sekitar dan operasi menyelamat. APMM memulakan operasi awal dengan hanya memiliki tiga buah kapal. Sebanyak 17 buah kapal lagi yang diterima daripada tentera laut, polis dan kastam, akan diperbaiki dan dibaik pulih untuk peranan baru mereka dan dijangka siap dalam jangka masa yang terdekat. Sementara itu, sayap udaranya dirancang akan diwujudkan untuk memperkuat pasukan itu. Dipercayai APMM akan menubuhkan satu pasukan elit yang akan bergabung tenaga dengan unit elit ATM dan PDRM dalam meningkatkan keselamatan perairan negara.

KESIMPULAN

Berdasarkan perbincangan di atas, jelas menunjukkan bahawa perubahan-perubahan yang berlaku dalam peranan tentera laut serta agensi-agensi penguatkuasaan maritim lain di Malaysia adalah dipengaruhi oleh perkembangan dalam agenda kelautan di

peringkat antarabangsa serta Persidangan Ketiga Konvensyen Undang-undang Laut Bangsa-Bangsa Bersatu yang telah diadakan pada tahun 1973. Sebagai salah sebuah negara berpantai dan juga negara anggota Konvensyen Undang-Undang Laut Bangsa-Bangsa Bersatu, Malaysia juga perlu mematuhi sebarang keputusan yang telah dipersetujui termasuklah dari segi perluasan sempadan maritim di mana negara-negara pesisir pantai mempunyai hak kedaulatan sehingga 200 batu notika yang dipanggil Zon Ekonomi Eksklusif meliputi sumber-sumber asli dan aktiviti ekonomi selain daripada menguatkuasakan kedaulatan mengenai penyelidikan sains serta melindungi alam sekitar.

Seperti negara-negara lain, secara tradisinya tugas menjaga keamanan dan keselamatan di laut selama ini adalah di bawah tanggungjawab tentera laut negara masing-masing termasuk Malaysia. Walau bagaimanapun, dengan munculnya cabaran-cabaran baru di laut terutamanya selepas berakhirnya Perang Dingin seperti pencemaran laut, penyeludupan dadah, senjata dan manusia, pendatang tanpa izin, pencerobohan nelayan asing serta serangan pengganas, maka tanggungjawab menjaga dan mengawasi perairan negara bukan sahaja terletak di bawah tentera laut semata-mata tetapi perlu melibatkan pelbagai agensi penguatkuasaan maritim yang lain. Bagi Malaysia, penglibatan agensi-agensi penguatkuasaan maritim di bawah kementerian-kementerian serta jabatan-jabatan tertentu seperti Kementerian Perikanan, Kementerian Pengangkutan, Kementerian Alam Sekitar, Jabatan Laut dan Jabatan Imigresen membolehkan mereka menguatkuasakan undang-undang yang berada di bawah kementerian masing-masing bagi menangani cabaran-cabaran baru ini secara bersama-sama.

Dengan tertubuhnya Pusat Penyelarasan dan Penguatkuasaan Maritim (PPPM), beberapa penyelarasan berjaya dilakukan di antara agensi-agensi penguatkuasaan maritim yang lain bagi memenuhi keperluan-keperluan yang berkaitan dengan operasi dan rondaan di perairan Malaysia. Walau bagaimanapun, agensi-agensi terbabit terpaksa akur dan terikat dengan bidang tugas utama yang dipertanggungjawabkan oleh Jabatan atau agensi masing-masing yang sebenarnya tidak bersesuaian lagi untuk menghadapi cabaran dalam abad ke 21 ini. Penubuhan sebuah agensi penguatkuasaan maritim seperti Pasukan Pengawal Pantai Malaysia atau Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) pula diharap dapat menjana sumber-sumber yang terdapat di dalam negara ini sama ada dari segi aset, kepakaran dan pengurusan bagi meningkatkan pengawasan dan penguatkuasaan di perairan wilayah negara dan ZEE dan seterusnya memastikan perairan Malaysia bebas daripada sebarang ancaman yang boleh mengugut keselamatan dan kedaulatan negara.

NOTA HUJUNG

¹ Zon ekonomi eksklusif (ZEE) merujuk kepada ZEE Malaysia sebagaimana yang ditentukan mengikut Akta Zon Ekonomi Eksklusif, 1984.

² Pelantar Benua merujuk kepada pelantar benua Malaysia sebagaimana yang ditakrifkan di bawah seksyen 2 Akta pelantar benua 1966 (Akta 83).

³ Zon Maritim Malaysia merujuk kepada perairan dalaman, laut wilayah, pelantar benua, zon ekonomi eksklusif dan perairan perikanan Malaysia termasuk ruang udara di zon tersebut.

⁴ Iskandar Sazlan, *Lautan Masa Depan Kita*, terjemahan dari Laporan Suruhanjaya Bebas Kelautan Dunia, (Kuala Lumpur: Institut Maritim Malaysia (MIMA), 2000), hlm. 19.

⁵ Konvensyen ini mengandungi 320 artikel dan sembilan lampiran untuk mengawal semua aspek kelautan seperti persempadanan, kawalan alam sekitar, penyelidikan saintifik marin, aktiviti ekonomi dan perdagangan, pemindahan teknologi dan penyelesaian pertikaian berkaitan dengan perkara-perkara kelautan. Konvensyen ini banyak dikuatkuasakan pada 16 November 1994, 12 bulan selepas dari tarikh penyerahan keenam instrumen pengesahan atau tambahan.

⁶ Lihat Hanizah Idris, "Isu Perlanungan dan Keganasan di Selat Melaka dan Selat Singapura, Ke Arah Kerjasama Serantau dan Antarabangsa," *JATI, Jurnal Jabatan Pengajian Asia Tenggara*, Bil. 11, (2006), hlm. 47-59.

⁷ Iskandar Sazlan, *Lautan Masa Depan Kita*, hlm. 51.

⁸ *Ibid.*, hlm. 59.

⁹ Iskandar Sazlan, "Keselamatan Maritim Negara: Isu dan Peranan Agensi Penguatkuasaan", Institut Maritim Malaysia (MIMA), 2001, hlm. 12.

¹⁰ Taklimat PPM kepada peserta kursus PM di KD Pelandok.

¹¹ *Ibid.*

¹² [Http://www.Polis Diraja Malaysia.htm](http://www.Polis Diraja Malaysia.htm).

¹³ *Ibid.*

¹⁴ Ross Babbage, *Maritime Change, Issue for Asia*. (NWS: Australia Defence Industry, 1993), hlm. 118.

¹⁵ G. Jacobs, "EEZ and Maritime Surveillance in Asia." Dalam *Asia Defense Journal*, (November 1983), hlm. 28-29.

¹⁶ Hanizah Idris dan Ruhanas Harun, "Malaysia as a Maritime Situation: Prospects and Challenges," *JATI, Jurnal Jabatan Pengajian Asia Tenggara*, Bil. 9, (Disember 2004), hlm. 19.

¹⁷ G. Jacobs, "EEZ and Maritime Surveillance in Asia." *Asia Defense Journal*, (November 1983), hlm. 28-29.

¹⁸ Hamzah Ahmad, *Malaysia's Exclusive Economic Zone*. (Selangor: Pelandok Publication, 1988), hlm. 4.

¹⁹ *Doktrin Pertahanan Maritim*. TLDM 2000, hlm. 96.

²⁰ "International Forum for Maritime Power" Germany, 2001, Naval Forces Special Issue, hlm. 42.

²¹ *Doktrin Pertahanan Maritim*. hlm. 97.

²² Iskandar Sazlan, "Keselamatan Maritim Negara." hlm. 17.

²³ *Ibid.*, hlm. 18.

²⁴ *Ibid.*

²⁵ *Ibid.*, hlm. 20.

²⁶ *Ibid.*

²⁷ *Ibid.*, hlm. 5.